

PENGLIBATAN DAN PEMILIHAN PEMIMPIN POLITIK DALAM KALANGAN BELIA MINORITI DI SEMENANJUNG MALAYSIA

SARJIT S. GILL, AHMAD TARMIZI TALIB,
MOHD RAZALI HARUN & MOHD ROSLAN ROSNON

ABSTRAK

Landskap politik Malaysia sekarang telah berubah pasca Pilihan Raya Umum Ke 12 (PRU 12) pada 8 Mac 2008 yang lalu. Pada PRU 12 pencapaian Barisan Nasional (BN) agak merosot dengan kehilangan majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat termasuk tewas di beberapa buah negeri kepada Pakatan Rakyat (PR). Senario itu sering dikaitkan dengan kuasa belia dalam mencatur landskap politik di Malaysia. Oleh itu, makalah ini membincang secara khusus pola pemilihan parti dan pemimpin politik dalam kalangan belia minoriti di Semenanjung Malaysia. Wacana berkaitan politik belia minoriti masih baharu dan penting kerana belia minoriti juga merupakan kelompok yang sering mencetus perubahan dan perkembangan politik tanah air ke arah pembentukan budaya politik yang sihat dan positif. Tambahan pula, senario semasa menunjukkan bahawa perbahasan politik hanya berputar dalam ruang lingkup belia majoriti semata-mata. Oleh itu, hasil kajian ini akan merungkakan beberapa persoalan yang berlegar dalam perbahasan isu politik semasa. Adakah belia minoriti terlibat dalam politik kepartian? Bagaimana corak pemilihan parti politik dan pemimpin dalam kalangan belia komuniti minoriti selepas Tsunami Politik 2008? Apakah ciri-ciri dan latar belakang calon pilihan raya yang menjadi pilihan belia minoriti? Justeru, hasil kajian ini boleh dijadikan ukuran dan panduan terutama menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU 13) kelak.

Kata Kunci: Penglibatan Politik, Pemilihan Parti, Pemimpin Politik, Belia Minoriti

ABSTRACT

The Malaysian political landscape has changed after the 12th General Elections (GE 12) held on 8 March 2008. In the GE 12, the performance of the Barisan Nasional (BN) declined appreciably, surrendering its two thirds majority in Parliament and also losing a number of states to Pakatan Rakyat (PR). This scenario is often linked to the power of youths in shaping the political landscape in Malaysia. As such, this article specifically discusses patterns of choosing political parties and leaders among minority youths in Peninsular Malaysia. Discourse regarding minority youth politics is still in its infancy but it is important as minority youths represent a segment that frequently triggers changes and development in

national politics, in heading towards the formation of a political culture that is healthy as well as positive. Furthermore, the current scenario shows that political debate solely revolves around the ambits of the majority youths only. As such, this study will examine a few issues that surround the current political debate. Are minority youths involved in party politics? What are the trend among the youth minority communities in choosing political parties and leaders in the wake of the Political Tsunami of 2008? What are the traits and background of election candidates that minority youth go for? In fact, these research findings can be used as a yardstick and guide, particularly in view of the upcoming 13th General Election (GE 13).

Keywords: *Political Involvement, Party Choice, Political Leader, Youth Minority*

PENGENALAN

Belia didefinisikan sebagai mereka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, dari segi strategi pelaksanaan program dan orientasi aktiviti, tumpuan utama ialah mereka yang berumur antara 18 hingga 25 tahun (Dasar Pembangunan Belia Negara, 1997). Menurut Asnarulkhadi (2011) secara biologinya, belia adalah individu yang berada pada tahap optimum seperti sihat, tegap, waras, bertenaga dan cerdas selain sesuai dengan lingkungan umur yang dianggap produktif dan mempunyai potensi tertentu. Oleh itu, sumber manusia tersebut amat berharga untuk membangun dan meneruskan kesinambungan perkembangan negara khususnya dalam rangka mencapai status negara maju pada tahun 2020.

Penglibatan belia adalah kritikal sebagai pemacu utama dalam menyumbang bakat berkebolehan untuk menyokong keperluan sumber manusia dalam pembangunan ekonomi negara (Malaysia, 2010). Belia juga mempunyai potensi yang tinggi untuk memberikan sumbangan positif terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat (Turiman *et al.*, 2008). Namun begitu, penglibatan belia bukan hanya penting dalam menjana kepesatan ekonomi semata-mata, malah khidmat mereka juga diperlukan dalam lapangan politik yang semakin kompleks. Melalui penglibatan dalam arena politik, golongan belia akan terdedah kepada kemahiran pengurusan dan kepimpinan.

Penglibatan belia dalam politik menjadi isu besar di Malaysia sama seperti negara maju yang lain. Menurut James (2007), isu penyertaan belia dalam arena politik juga hangat dibahaskan di negara maju seperti di Britain sejak kebelakangan ini, terutama dalam bidang akademik dan dasar awam. Ini telah disebabkan oleh belia yang berumur antara 15 hingga 24 tahun kurang jelas terhadap kepentingan dan penyertaan dalam sistem politik Britain. Yang pasti,

senario sedemikian akan memberi kesan besar kepada perkembangan politik sekiranya golongan belia kurang terlibat terutamanya dalam politik kepartian dan pilihan raya.

Masih ramai dalam kalangan belia yang belum mendaftar sebagai pengundi untuk PRU 13 akan datang. Daripada 15.6 juta warganegara yang berumur 21 tahun dan ke atas, jumlah yang mendaftar sebagai pemilih sehingga Mei 2010 ialah 11,247,525 pemilih. Ini bermakna terdapat 4.3 juta warganegara yang telah cukup umur untuk mengundi tetapi masih belum mendaftar (Wan Ahmad, 2010). Berdasarkan jumlah tersebut, masih ramai golongan belia yang tidak menggunakan hak mereka sebagai warganegara Malaysia untuk memilih kepimpinan negara untuk lima tahun yang akan datang. Apa yang pasti, jumlah sedemikian mampu mencorakkan landskap politik yang lebih baik sekiranya mereka terlibat dalam proses pilihan raya.

Isu penglibatan belia bukan melingkari belia majoriti sahaja, bahkan turut melibatkan belia minoriti di Semenanjung Malaysia. Belia minoriti juga mempunyai hak yang sama untuk menyertai lapangan politik. Ini kerana mereka juga mempunyai sumbangan besar kepada pembangunan negara. Menurut Sarjit *et al.* (2011), salah satu sebab belia minoriti kurang terlibat dalam arena politik ialah kerana mereka tidak mempunyai parti politik khusus yang beridentitikan kaum. Namun begitu, ia tidak menghalang sesetengah mereka untuk terlibat dalam politik kepartian misalnya menyertai Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Islam SeMalaysia (PAS) yang tidak bersifat perkauman.

Apa yang pasti, belia minoriti juga mempunyai peranan khususnya sebagai penggerak demokrasi dalam negara kerana mereka juga berhak membuat pilihan dalam menentukan parti pemerintah dan pemimpin yang layak menerajui negara pada masa akan datang.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian yang perlu diberikan perhatian dalam kajian politik belia di Malaysia. Antaranya, kajian Junaidi *et al.* (2010) memberi fokus kepada analisis trend pengundian berdasarkan kaum di kawasan Bukit Gantang, Perak. Kajian yang dijalankan menjelang Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gantang pada April 2009 menganalisis sumber maklumat politik pengundi, jenis surat khabar pilihan utama, kriteria dalam pemilihan calon, ciri parti politik yang disokong, krisis politik dan perlembagaan, isu yang dibincangkan dan parti politik pilihan.

Kajian Sarjit *et al.* (2011) merupakan kajian yang julung kali dijalankan berkaitan politik belia minoriti khususnya persepsi dan penerimaan terhadap parti

pemerintah, iaitu Barisan Nasional. Selain itu, kajian tersebut menganalisis pola pemilihan parti gabungan di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Namun demikian, kajian tersebut hanya melibatkan belia minoriti di Semenanjung Malaysia sahaja. Kajian Junaidi dan Mohd Fuad (2011) pula mengupas keperluan pembangunan serta pendapat umum pengundi muda di kawasan Parlimen Batu, Wilayah Persekutuan. Apa yang menarik, kajian ini merungkakan berkaitan sumber maklumat isu semasa, kriteria pemilihan calon dan parti, aspirasi belia dalam pembangunan sosioekonomi serta parti pilihan dalam pilihan raya akan datang. Namun begitu, kajian ini hanya tertumpu kepada belia majoriti sahaja tanpa mendapatkan pandangan daripada belia minoriti seperti belia Sikh, India Muslim dan Cina Muslim yang tinggal di kawasan Parlimen Batu.

Kajian Syarifah dan Amer Saifude (2011) mengupas isu penglibatan golongan muda dalam politik di Terengganu. Dalam kajian tersebut merungkakan beberapa persoalan seperti kefahaman politik dan ideologi, faktor-faktor pemilihan wakil rakyat dan pola keluar mengundi pada PRU 12. Namun begitu, kajian itu hanya memberi tumpuan terhadap belia Melayu dan Cina sahaja tanpa mendapatkan pandangan, aspirasi dan cita rasa belia minoriti misalnya komuniti Orang Asli di Parlimen Hulu Terengganu dan Kemaman.

Kajian Mohd Fuad dan Junaidi (2012) pula berkaitan politik belia di Parlimen Muar, Johor yang menjurus kepada pendapat dan keperluan belia. Kajian tersebut memberi tumpuan kepada sumber maklumat belia, kemudahan sukan dan penyertaan dalam persatuan belia, kursus/latihan yang diperlukan dan masalah belia, keperluan, kriteria pemilihan calon dan parti dan pendapat politik. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak memberi tumpuan kepada belia minoriti.

Kajian Junaidi *et al.* (2012) pula memberi fokus kepada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri Galas di Kelantan yang mempunyai pengundi dalam kalangan komuniti minoriti Orang Asli. Dalam kajian tersebut, mereka menganalisis berkaitan dengan isu dan strategi kempen yang diketengahkan oleh PAS dan UMNO. Selain itu, aspek politik pembangunan, kepimpinan dan pola pengundian menjadi tumpuan utama kajian tersebut.

Kajian Amer Saifude *et al.* (2011) pula mengupas peluang pihak kerajaan dan pembangkang dalam mencapai kejayaan dalam PRU 13. Dalam kajian tersebut kupasan secara mendalam dibuat berkaitan dengan senario dan prestasi Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Rakyat (PR) dalam memenangi kerusi yang ditandingi pada PRU 12, selain tahap sokongan yang diterima pihak kerajaan dan pembangkang dalam semua Pilihan Raya Umum Parlimen (1959-2008) di Semenanjung Malaysia. Selain itu, kajian tersebut menganalisis perbandingan antara prestasi BN dan PR dalam 16 Pilihan Raya Kecil (PRK) yang diadakan.

KOMUNITI MINORITI

Malaysia juga mempunyai komuniti minoriti selain daripada komuniti majoriti yang Melayu, Cina dan India yang dominan dalam masyarakat. Antara komuniti minoriti yang terbesar ialah komuniti Orang Asli. Menurut Zawawi (1996), 'Orang Asli' sebagai satu kategori sosial, merupakan suatu konstruk rasmi oleh state pasca-kolonial, yang merujuk kepada satu identiti 'etnik' seperti 'Melayu', 'Cina', 'India' dan lain-lain. Orang Asli atau penduduk peribumi tidak mempunyai takrifan yang sejagat, piawai atau tetap tetapi biasanya merujuk kepada masyarakat peribumi asal yang terdapat dalam sesebuah negara, negeri daerah atau tempat. Di Malaysia, masyarakat peribumi merujuk kepada masyarakat Orang Asli dan bumiputera. Orang Asli dikategorikan kepada tiga kumpulan besar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Orang Asli kumpulan Negrito dibahagikan kepada beberapa suku iaitu Bateq, Jahai, Kensui, Kintak, Lanoh dan Mendriq. Kumpulan Senoi pula dibahagikan kepada Chewong, Jahut, Mah Meri, Semai, Semoq Beri dan Temiar. Manakala Melayu Proto pula dibahagikan kepada Jakun, Kanaq, Kuala, Seletar, Semelai dan Orang Temuan menurut (Zalizan *et al.*, 2009).

Komuniti Siam juga merupakan etnik minoriti di Malaysia. Komuniti Siam juga dikenali sebagai komuniti Thai. Namun begitu, 'Siam' merupakan istilah yang digunakan dalam konteks tempatan dan popular serta diutamakan berbanding istilah 'Thai'. Di Kelantan, istilah 'Thai' merupakan sesuatu yang sangat baru dan jarang digunakan dalam bahasa seharian masyarakat setempat (Mohamed Yusoff, 1980). Komuniti ini mendiami sesetengah negeri sahaja di Semenanjung Malaysia seperti Perak, Kedah, Kelantan dan Perlis. Menurut Mahadee (2008) penempatan masyarakat Siam Buddha lebih tertumpu di Kelantan, Kedah dan Perlis. Ini kerana negeri-negeri tersebut bersempadan dengan Selatan Thailand. Orang Siam telah lama berhijrah ke Kelantan dalam satu zaman yang mendahului penghijrahan besar-besaran imigran lain, terutama sekali imigran Cina dan India yang datang secara besar-besaran ke Semenanjung Malaysia pada penghujung abad ke 19 dan permulaan abad ke-20 (Mohamed Yusoff, 2002). Komuniti Siam juga berada dalam satu kategori khas dalam klasifikasi etnik penduduk di Kelantan. Oleh kerana mereka telah lama menetap di Kelantan, kerajaan mengiktiraf mereka seperti komuniti Melayu dalam pelbagai hal pentadbiran khususnya mengenai pemilikan tanah di kawasan yang ditetapkan sebagai rizab Melayu (Mohamed Yusoff, 2006).

Komuniti India Muslim pula mudah ditemui terutama di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, George Town, Ipoh dan sebagainya. Kawasan-kawasan bandar menjadi tumpuan komuniti ini kerana faktor ekonomi kerana majoriti mereka menjalankan ekonomi perniagaan khususnya Restoran Makanan Halal 24 Jam. Menurut Hanapi Dollah (1985), dalam kegunaan harian,

konsep India Muslim adalah konsep yang agak umum, iaitu merujuk kepada orang India yang beragama Islam sahaja. Orang India Muslim boleh dipecahkan kepada beberapa kelompok mengikut taraf status dan jenis pekerjaan mereka. Kelompok-kelompok itu ialah:

- i. Chulia - Kelompok terbesar dan menguasai perdagangan besar.
- ii. Kaka - Kelompok yang bergiat dalam perniagaan kecil.
- iii. Tankasi - Kelompok yang mempunyai status yang rendah kerana pekerjaan mereka ialah buruh kasar.
- iv. Pakistan - Orang India yang berasal dari Utara India dan selepas tahun 1947, mereka mula memperkenalkan diri mereka sebagai Pakistanis.

Di Melaka pula terdapat tiga komuniti minoriti yang popular, iaitu Baba Nyonya, Portugis dan Chetti. Kewujudan etnik Baba Nyonya mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Ia bermula dengan kedatangan pedagang Cina yang berulang alik antara dunia Melayu dan China telah meninggalkan Peranakan Baba di Melaka, Singapura dan Pulau Pinang. Perkembangan itu bermula dengan pedagang Cina itu menetap di dunia Melayu setelah berkahwin dengan wanita peribumi (Ding, 2008). Evolusi dari kumpulan etnik yang unik bermula antara 500 hingga 600 tahun yang lalu, ketika peniaga Cina tiba di Semenanjung Tanah Melayu, terutamanya di Melaka, pusat Kesultanan Melayu Melaka. Para pedagang ini tidak membawa wanita bersama mereka, dan ini menyebabkan berlaku banyak berkahwin dengan perempuan tempatan. Perkahwinan campuran antara Melayu dan Baba akhirnya berhenti selama ratusan tahun, yang mana ketika itu Baba berkahwin secara eksklusif di antara mereka, seterusnya menjadi kelompok elit. Hari ini, mereka boleh ditemui di seluruh Malaysia dan Singapura terutamanya di Melaka, Singapura dan Pulau Pinang (Lee Su Kim, 2008). Komuniti Baba Nyonya ini mudah dijumpai di Jonker Street, Banda Hilir kerana menjalankan perniagaan seperti kuih muih tradisional etnik Baba Nyonya.

Portugis juga merupakan komuniti yang tidak asing di Malaysia. Mereka merupakan bangsa asing pertama yang menjajah Malaysia (Tanah Melayu) pada tahun 1511 dan kuasa-kuasa besar di benua Asia. Ini dibuktikan dengan penaklukan Goa oleh Alfonso d' Albuquerque pada 1510 sehinggalah kepada kejatuhan Melaka di tangan Portugis pada 1511 (Maruwiah, 2006). Kedatangan Portugis ke Tanah Melayu begitu sinonim dengan kejatuhan Empayar Kerajaan Melayu Islam Melaka pada ketika itu. Kini, komuniti Portugis boleh ditemui khususnya di Perkampungan Portugis, Ujung Pasir, Melaka. Dalam komunikasi seharian mereka menggunakan bahasa mereka sendiri yang dikenali sebagai Papia Kristang, Bahasa Geragau atau Serani (Geraldo, 2002; Gerard, 2003).

Komuniti Chetti pula kurang dikenali oleh masyarakat umum. Menurut Ravichandran (2009) kebanyakan rakyat di Malaysia sama sekali tidak menyedari

kewujudan komuniti etnik India kecil yang disebut sebagai Chetti atau peranakan Hindu Melaka. Pembentukan komuniti Chetti ini bermula dengan para pedagang dari India Selatan yang datang ke Melaka berkahwin dengan perempuan tempatan. Para pedagang kekal menganut agama Hindu tetapi isteri mereka akan bertukar agama menjadi Hindu (Yap Eng Moi, 1989). Mereka boleh dijumpai di Perkampungan Chetti di Melaka yang terletak di Kampung Gajah Berang dan jumlah mereka begitu sedikit. Menurut Samuel (2006) terdapat 50 buah keluarga dengan jumlah sekitar 400 orang di Kampung Gajah Berang dan ia mempunyai Sembilan kasta iaitu Chitty, Pillai, Neiker, Rajah, Padayachi, Mudaliar, Pathar, Konar dan Kullen.

METODOLOGI

Reka bentuk penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah survei dengan menggunakan borang soal selidik. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Metodologi ini lebih praktikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar (Mohd Majid, 1990). Selain itu, kaedah ini digunakan kerana ia mampu untuk memberikan gambaran yang jelas untuk memahami fenomena tingkah laku manusia (Syed Arabi, 2002). Dalam pengumpulan data primer, pemerhatian tidak turut serta digunakan bagi memberi nilai tambah kepada kekuatan dalam penemuan kajian. Pengkaji menjalankan pemerhatian terhadap tingkahlaku, perbualan berkaitan isu politik dan penglibatan responden dalam aktiviti atau program politik. Menurut Silberg (2001), perkara ini penting untuk menganalisis sesuatu keadaan yang berlaku dengan menentukan sebab musababnya.

Umumnya, kajian ini hanya melibatkan kawasan Semenanjung Malaysia sahaja. Antara lokasi kajian yang dipilih ialah Pulau Pinang, Kedah, Perak, Kelantan, Pahang, Kuala Lumpur, Selangor, Melaka dan Johor. Lokasi-lokasi ini dipilih kerana negeri-negeri tersebut mempunyai kaum yang dominan, yang mana mereka akan menjadi responden dalam kajian ini. Seramai 850 orang responden yang merupakan belia terlibat dalam kajian ini. Pemilihan responden adalah secara pensampelan mudah (*convenience*), iaitu golongan belia yang berumur 17 hingga 40 tahun bertepatan dengan pendefinisian belia yang diberikan oleh Undang-undang Malaysia (2007), iaitu belia berumur 15 hingga 40 tahun. Data yang dikumpulkan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan pakej statistik *SPSS 19.0 for Windows*.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Demografi

Kajian telah dijalankan di sembilan buah negeri yang meliputi Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Melaka, Kelantan, Pahang, Perak, Pulau Pinang dan Kedah

Seramai 850 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada bangsa India Muslim (12.4%), Chetti (5.8%), Siam (15.2%), Baba Nyonya (4.9%), Portugis (7.9%) dan Orang Asli (53.9%). Kawasan kajian terdiri daripada beberapa penempatan masyarakat minoriti di kawasan bandar, pinggir bandar dan pedalaman. Majoriti umur belia yang menjadi responden dalam kajian ini berumur antara 21 tahun hingga 30 tahun. Responden yang terlibat terdiri daripada latar belakang pendidikan dan pekerjaan yang berbeza. Purata pendapatan mereka ialah RM800 sebulan.

Keahlian Parti Politik

Secara keseluruhannya, majoriti dalam kalangan belia minoriti tidak menjadi ahli dalam mana-mana parti politik di Malaysia. Sebanyak 86 peratus daripada mereka tidak menyertai parti dan hanya 14 peratus sahaja yang menjadi ahli parti. Ini menunjukkan bahawa belia minoriti kurang berminat dengan politik kepartian. Apa yang menarik, belia Baba Nyonya tiada langsung yang menyertai parti politik. Ini kerana kebanyakan mereka giat menjalankan perniagaan dan seterusnya mempunyai masa yang terhad untuk menyertai apa-apa parti politik.

Dalam pada itu, belia India Muslim merupakan belia minoriti yang paling ramai menyertai parti politik berbanding belia etnik lain iaitu sebanyak 32.4 peratus. Ini kerana belia India Muslim mempunyai parti politik tersendiri iaitu Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA). Ini merupakan kelebihan untuk etnik minoriti India Muslim berbanding etnik lain yang tiada parti politik khusus untuk memperjuangkan isu dan masalah yang dihadapi mereka. Jadual 1 menunjukkan keahlian belia minoriti dalam parti politik.

Jadual 1: Keahlian dalam Parti Politik

	India Muslim	Portugis	Baba Nyonya	Orang Asli	Siam	Chetti	Keseluruhan
Ya	32.4%	14.9%	-	9.6%	17.8%	19.6%	14%
Tidak	67.6%	85.1%	100%	90.4%	82.2%	80.4%	86%

Sumber: Kajian Sarjit et al. 2011

Jawatan dalam Parti Politik

Belia minoriti kurang menyertai parti politik. Senario ini dibuktikan selaras dengan hasil kajian, iaitu sebanyak 86 peratus belia minoriti tiada apa jawatan dalam parti politik. Ini kerana mereka tidak bersedia memberikan komitmen yang tinggi kepada aktiviti lain selain daripada aktiviti ekonomi dan pekerjaan. Belia Baba Nyonya pula tidak memegang apa-apa jawatan dalam parti politik kerana tidak berdaftar sebagai ahli parti. Antara hasil kajian yang menarik, belia Portugis

dan Chetti tidak memegang sebarang jawatan utama seperti Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari dalam organisasi parti politik. Kebanyakan mereka diberikan peranan sebagai ahli jawatankuasa dan ahli biasa sahaja. Perkara ini juga merupakan faktor penghalang untuk mereka bergiat aktif dalam parti politik yang disertai khususnya dalam proses membuat keputusan.

Perkara ini juga berkait rapat dengan faktor lokasi tempat tinggal. Majoriti kedua-dua etnik ini tinggal di kawasan bandar di Melaka. Oleh itu, mereka perlu bersaing dengan etnik majoriti dalam organisasi seperti etnik Melayu dan Cina untuk mendapatkan sesuatu jawatan dalam organisasi parti. Selain itu, mereka juga tiada parti politik khusus untuk etnik mereka. Ada dalam kalangan belia Portugis menyertai UMNO dan belia Chetti menyertai MIC, tetapi peranan mereka sebagai ahli seolah-olah diperkecil oleh golongan yang mendominasi parti. Jadual 2 menunjukkan jawatan yang disandang dalam parti politik yang disertai oleh belia minoriti.

Jadual 2: Jawatan dalam Parti Politik

	India Muslim	Portugis	Baba Nyonya	Orang Asli	Siam	Chetti	Keseluruhan
YDP/Pengerusi	2%	-	-	1.3%	1.6%	-	1.2%
NYDP/ TimbalanPengerusi	-	-	-	1.5%	-	-	0.8%
Setiausaha/Pen. Setiausaha	3.9%	-	-	0.4%	2.3%	-	0.8%
Bendahari	-	-	-	-	3.1%	-	1%
Ahli Jawatan Kuasa	5.9%	-	-	0.2%	3.9%	6.5%	1.3%
Ahli Biasa	15.7%	13.6%	-	5.4%	14%	10.9%	8.6%
Lain-lain	1%	-	-	-	0.8%	-	0.2%
Tiada	71.6%	86.4%	100%	91.1%	81.4%	82.6%	86%

Pemilihan Parti Politik

Kajian ini juga memberi tumpuan kepada pola pemilihan parti politik yang menjadi idaman kepada belia minoriti. Daripada enam etnik yang dikaji hanya etnik India Muslim yang mempunyai parti politik khusus iaitu KIMMA. Etnik Portugis, Baba Nyonya, Orang Asli, Siam dan Chetti hanya 'menumpang' parti politik berasaskan perkauman yang lain seperti UMNO, MCA dan MIC. Namun begitu, sebenarnya mereka masih berpeluang untuk menyertai parti politik yang bukan berasaskan perkauman seperti Parti Keadilan Rakyat (PKR), Dewan Himpunan Penyokong Parti Islam Semalaysia (DHPP), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) dan lain-lain.

Belia dalam kalangan etnik minoriti ini mempunyai impian tersendiri untuk menyertai parti politik yang dirasakan boleh memperjuangkan nasib mereka. Kebanyakan belia minoriti berminat untuk menyertai UMNO dengan 63.8 peratus. Ini kerana UMNO merupakan salah satu parti dalam komponen BN yang paling popular semenjak sebelum merdeka. Dengan status sebagai ketua dalam BN, UMNO dilihat mampu memperjuangkan nasib mereka dalam sebarang perkara. Selain itu, UMNO juga dianggap sebagai parti yang membela kaum Bumiputera kerana dalam masa yang sama mereka mengakui berstatus Bumiputera sebagaimana Melayu dan komuniti peribumi Sarawak dan Sabah.

Belia etnik Chetti pula menunjukkan minat untuk menyertai MIC. Sebanyak 56.8 peratus dalam kalangan belia Chetti memilih MIC sebagai wadah perjuangan politik mereka. Ini kerana mereka terpengaruh dengan kalangan ibu bapa dan saudara mara yang kebanyakan menyokong MIC sejak dari awal lagi. Apa yang menarik, sebanyak 46.5 peratus belia Baba Nyonya menyatakan tiada parti yang menjadi pilihan mereka. Ini kerana mereka tiada minat mendalam terhadap politik kepartian. Selain itu, mereka tiada masa untuk memberi komitmen dalam parti politik kerana agak sibuk mengurus perniagaan.

Parti komponen PR kurang mendapat sambutan daripada belia minoriti. Dalam komponen PR, PKR mendapat peratusan tertinggi dengan 3.7 peratus. DAP mendapat 3.4 peratus dan PAS pula mendapat 3.3 peratus. Ini bermakna PR hanya mendapat 10.4 peratus sahaja dalam pemilihan ini. Ini memberi tamparan hebat kepada PR kerana pola pemilihan ini boleh mengukur tahap populariti PR dalam kalangan belia minoriti. PAS paling kurang menjadi pilihan khususnya daripada etnik Baba Nyonya, Chetti dan Portugis. Ini kerana PAS merupakan parti berasaskan agama Islam, seterusnya tidak boleh disertai ketiga-tiga etnik tersebut yang menganut agama Kristian, Buddha dan Hindu. Belia Portugis pula

menunjukkan minat terhadap DAP sahaja dalam komponen PR. Ini berikutan imej popular DAP yang beberapa kali memenangi Parlimen Kota Melaka. Jadual 3 menunjukkan parti politik yang menjadi pilihan utama belia minoriti.

Jadual 3:Parti Politik yang Menjadi Pilihan Utama

	India Muslim	Portugis	Baba Nyonya	Orang Asli	Siam	Chetti	Keseluruhan
UMNO	67.6%	41.8%	-	74.2%	76.7%	9.1%	63.8%
MCA	-	-	25.6%	0.4%	1.6%	2.3%	1.9%
MIC	1%	-	-	0.4%	1.6%	56.8%	3.5%
GERAKAN	2%	-	-	0.9%	1.6%	2.3%	1.1%
DAP	2%	23.9%	16.3%	0.9%	0.8%	2.3%	3.7%
PKR	3.9%	-	11.6%	3.7%	0.8%	4.5%	3.4%
PAS	9.8%	-	-	1.3%	7%	-	3.3%
PCM	2.9%	1.5%	-	0.7%	0.8%	-	0.9%
TIADA PARTI DISOKONG	6.9%	26.9%	46.5%	16.8%	9.3%	20.5%	17%
LAIN-LAIN	3.9%	6%	-	0.7%	-	2.3%	1.4%

Sumber: Kajian Sarjit et al. 2011

Profesion Tokoh Pemimpin Politik

Belia minoriti juga mempunyai kriteria tertentu dalam pemilihan calon pemimpin politik khususnya aspek profesion atau jawatan mereka sebelum menjadi calon dalam mana-mana pilihan raya. Sebanyak 29.9 peratus belia Portugis, 22.6 peratus belia Orang Asli dan 19.5 peratus belia Siam memilih calon pemimpin politik dalam kalangan pegawai kerajaan. Sebanyak 20.4 peratus belia minoriti

memilih calon pemimpin politik dalam kalangan pegawai kerajaan. Ini kerana mereka berpendapat pegawai kerajaan mempunyai banyak pengalaman dalam menyelesaikan pelbagai isu masyarakat semasa berkhidmat dalam sektor kerajaan. Selain itu, pegawai kerajaan dilihat mempunyai pendidikan tinggi sekurang-kurangnya ijazah pertama.

Belia minoriti memilih calon yang bekerja sebagai guru iaitu sebanyak 19.4 peratus. Dalam kalangan responden, etnik Orang Asli dan Chetti menunjukkan kecenderungan yang tinggi terhadap guru iaitu masing-masing 23.5 peratus dan 21.7 peratus. Guru merupakan golongan yang amat rapat dengan mereka kerana memberikan didikan kepada anak-anak mereka. Tambahan pula, guru yang bertugas di perkampungan Orang Asli akan tinggal di kampung yang sama. Oleh itu, hubungan mereka lebih akrab dan erat.

Belia Baba Nyonya amat menonjol memilih dalam kalangan profesional seperti doktor (30.2 peratus), peguam (23.3 peratus) dan usahawan atau ahli perniagaan sebagai calon pemimpin politik mereka. Ini kerana profesion doktor menjadikan mereka lebih rapat, mesra dan memahami masalah komuniti khususnya berkaitan dengan aspek kesihatan. Selain itu, pemilihan ini kerana doktor, peguam dan usahawan/peniaga mempunyai perniagaan sendiri dengan membuka klinik persendirian, syarikat guaman dan kedai-kedai. Oleh itu, mereka terikat dengan peraturan majikan seperti agensi kerajaan. Ini memberi kelebihan kepada mereka untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk yang diwakilinya tanpa had masa, selain mampu memberi sumbangan kewangan kepada mereka yang memerlukan.

Pensyarah universiti juga merupakan profesion yang mendapat pilihan tinggi khususnya dalam kalangan belia India Muslim iaitu sebanyak 22.5 peratus. Ini kerana pensyarah universiti merupakan golongan yang mempunyai pendidikan tinggi sehingga peringkat Doktor Falsafah. Perkara ini memberi kelebihan dalam pemilihan kerana seseorang yang mewakili rakyat dalam Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri perlu mempunyai ilmu dan sarat dengan pengalaman menjalankan penyelidikan. Apa yang pasti, idea bernas semasa berkhidmat sebagai pensyarah universiti boleh diketengahkan untuk pembangunan komuniti setempat. Jadual 4 menunjukkan pemilihan belia minoriti dalam aspek profesion/jawatan yang disandang oleh calon pemimpin politik.

Jadual 4: Profesion/Jawatan Calon Pemimpin Politik

	India Muslim	Portugis	Baba Nyonya	Orang Asli	Siam	Chetti	Keseluruhan
Guru	12.7%	11.9%	4.7%	23.5%	18.8%	21.7%	19.4%
Ustaz/Ulama'	16.7%	-	-	3.3%	4.7%	6.5%	4.9%
Jurutera	2.9%	-	-	1.3%	-	-	1.1%
Pegawai Kerajaan	10.8%	29.9%	11.6%	22.6%	19.5%	17.4%	20.4%
Artis/Selebriti	-	-	-	0.9%	0.8%	-	0.6%
Kontraktor	-	6%	-	-	1.6%	-	0.7%
Polis	-	-	-	6.8%	6.3%	-	4.6%
Pensyarah Universiti	22.5%	9%	-	15.6%	10.2%	4.3%	13.7
Doktor	2.9%	1.5%	30.2%	6.9%	5.5%	8.7%	6.9%
Peguam	10.8%	4.5%	23.3%	11%	11.7%	17.4%	11.5%
Tentera	-	4.5%	-	0.9%	3.9%	4.3%	1.7%
Usahawan/Peniaga	9.8%	7.5%	23.3%	2.9%	7.8%	2.2%	6.2%
Wakil Persatuan	4.9%	14.9%	7%	3.1	9.4%	13%	5.9%
Lain-lain	5.9%	10.4%	-	1.5%	-	4.3%	2.6%

Sumber: Kajian Sarjit et al. 2011

Ciri-ciri Calon Pilihan raya

Ciri-ciri calon pilihan raya juga menjadi perkara penting dalam menjalankan kajian ini. Pemilihan sesuatu calon dalam setiap pilihan raya bergantung kepada ciri-ciri calon yang menepati cita rasa dan kehendak pengundi. Dalam kajian ini, hasil kajian menunjukkan bahawa belia minoriti mempertimbangkan tiga ciri-ciri calon iaitu sama ideologi politik, sama negeri dan sama agama. Ciri-ciri ini juga memberi gambaran jelas bahawa aspek ideologi politik seseorang calon menjadi syarat utama dalam proses pengundian semasa pilihan raya. Ideologi politik calon selaras dengan ideologi parti yang diwakilinya. Oleh itu, pengundi akan mengundi calon yang mewakili parti yang disokong.

Selain itu, belia minoriti memilih calon pilihan raya yang sama negeri. Ini kerana mereka berpendapat bahawa calon ini mampu memahami aspirasi dan permasalahan sebenar yang dialami oleh komuniti setempat berbanding calon dari

negeri lain. Apa yang pasti, calon dari negeri yang sama mudah untuk ditemui pengundi sekiranya terdapat sebarang aduan kerana menetap di kawasan yang diwakilinya sebagai wakil rakyat. Tambahan pula, wakil rakyat yang menetap di kawasan yang sama mudah menghadiri pelbagai majlis seperti perayaan, perkahwinan, kenduri dan sebagainya.

Di samping itu, belia minoriti memilih persamaan agama sebagai salah satu ciri yang perlu ada kepada calon pilihan raya tersebut. Ini kerana mereka berkeyakinan calon tersebut mampu membela agama yang dianuti. Selain itu, calon yang menganut agama yang sama lebih memahami tuntutan agama mereka dalam kehidupan seharian. Isu agama merupakan isu sensitif dan perlu ditangani sebaik mungkin lebih-lebih lagi dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia. Jadual 5 menunjukkan ciri-ciri calon pilihan raya yang menjadi pilihan utama belia minoriti.

Jadual 5: Ciri-Ciri Calon Pilihan Raya

India Muslim	Portugis	Baba Nyonya	Orang Asli	Siam	Chetti	All
Sama Agama	Sama ideologi politik	Sama Bangsa	Sama Ideologi Politik	Sama Ideologi Politik	Beza Bangsa	Sama ideologi politik
Sama Jantina	Sama Negeri	Sama Agama	Sama Bangsa	Sama Negeri	Sama Negeri	Sama Negeri
Sama ideologi politik	Sama Bangsa	Sama Negeri	Sama Agama	Sama Jantina	Sama Agama	Sama Agama

Sumber: Kajian Sarjit et al. 2011

Latar Belakang Calon Pilihan raya

Latar belakang calon juga merupakan elemen penting dalam kajian ini. Keadaan ini disebabkan dalam proses pemilihan seseorang calon pilihan raya aspek latar belakang dipertimbangkan oleh pengundi khususnya generasi belia. Secara keseluruhannya, belia minoriti memilih pencapaian akademik, komitmen agama/moral dan penampilan calon sebagai pilihan utama. Dalam memajukan komuniti yang diwakili, wakil rakyat perlu mempunyai pencapaian akademik yang tinggi. Ini kerana mereka yang berpendidikan tinggi mempunyai idea, ilmu dan pengalaman yang boleh dimanfaatkan untuk pembangunan komuniti. Tambahan pula, seseorang wakil rakyat perlu berbahas secara ilmiah khususnya dalam proses penggubalan undang-undang di Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.

Seorang pemimpin politik juga perlu mempunyai komitmen agama/moral yang tinggi. Mereka perlu mengamalkan sepenuhnya ajaran agama masing-masing. Nilai-nilai murni yang diterapkan dalam agama seperti ikhlas, jujur,

amanah, adil serta bertanggungjawab perlu dihayati dan diamalkan dalam setiap pemimpin politik. Sudah tentu, para pengundi akan tertipu sekiranya memilih calon yang mengamalkan budaya negatif seperti rasuah, pecah amanah dan sebagainya. Oleh itu, bagi belia minoriti para calon perlu bersih dari sebarang tuduhan dan bermoral tinggi dalam menjalankan khidmat kepada komuniti.

Belia minoriti menekankan supaya calon pilihan raya yang diketengahkan oleh parti yang bertanding mempunyai penampilan yang sewajarnya sebagai bakal pemimpin politik. Dengan penampilan yang baik, belia minoriti khususnya mudah mendekati pemimpin dalam sebarang program pembangunan yang dijalankan. Jadual 6 menunjukkan latar belakang calon yang menjadi pilihan belia minoriti.

Jadual 6: Latar Belakang Calon Pilihan Raya

India Muslim	Portugis	Baba Nyonya	Orang Asli	Siam	Chetti	Keseluruhan
Komitmen Agama	Pencapaian Akademik	Penampilan	Pencapaian Akademik	Pencapaian Akademik	Pencapaian Akademik	Pencapaian Akademik
Pencapaian Akademik	Komitmen Agama/Moral	Komitmen Agama/Moral	Komitmen Agama/Moral	Komitmen Agama/Moral	Komitmen Agama/Moral	Komitmen Agama/Moral
Penampilan	Penampilan	Pencapaian Akademik	Penampilan	Penampilan	Penampilan	Penampilan

Sumber: Kajian Sarjit et al. 2011

Berdasarkan hasil kajian juga, hanya belia India Muslim dan Baba Nyonya yang tidak memilih pencapaian akademik sebagai pilihan pertama dalam aspek latar belakang calon pilihan raya. Belia India Muslim memilih komitmen agama/moral sebagai latar belakang yang perlu dimiliki oleh seseorang calon pilihan raya. Ini kerana calon pilihan raya merupakan bakal pemimpin yang memegang amanah dan tanggungjawab besar. Justeru, pemimpin perlu mempunyai pegangan agama/moral yang kuat seterusnya mengaplikasikannya dalam kepimpinan. Selain itu, belia Baba Nyonya memilih penampilan sebagai latar belakang calon pilihan raya kerana penampilan merupakan ciri terpenting untuk menjadi pemimpin yang berjaya seperti ahli perniagaan.

KESIMPULAN

Landskap politik Malaysia berubah secara drastik pasca PRU 12 yang lalu.

di Dewan Rakyat. Pasca PRU 12, golongan belia kelihatan tertarik untuk terlibat dalam proses demokrasi dan pilihan raya. Suasana ini bermula dengan pertukaran tampuk kerajaan negeri kepada parti pembangkang yang berjaya menawan lima buah negeri iaitu Selangor, Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Kelantan. Ini telah membuka lembaran baru dan mencetus harapan kepada golongan muda. Kemenangan ini hasil daripada keberanian golongan muda yang sudah mula inginkan perubahan (Syarifah & Amer Saifude, 2011).

Ledakan perubahan dalam landskap politik negara bukan sekadar bergantung kepada golongan belia majoriti sahaja. Belia minoriti juga memainkan peranan penting dalam mengembangkan proses demokrasi dalam pilihan raya. Ini kerana mereka berhak dan mempunyai aspirasi serta kriteria tersendiri dalam pemilihan pemimpin dalam pilihan raya. Menurut Sarjit *et al.* (2011), sumbangan mereka khususnya dalam mencorakkan landskap politik semasa negara tidak boleh dipandang remeh oleh mana-mana pihak khususnya parti-parti politik. Apa yang pasti, setiap undi mereka amat bernilai dalam PRU 13 akan datang khususnya kepada BN dan PR.

Belia majoriti dan minoriti perlu bersatu dalam menentukan bentuk transformasi politik yang diinginkan sejajar dengan perubahan zaman. Mereka juga seharusnya peka terhadap isu-isu semasa yang melingkari kehidupan terutamanya isu perpaduan. Menurut Ishak Saat (2010), isu perpaduan sering kali dihangatkan apabila berlaku perubahan landskap politik di Malaysia. Isu-isu perkauman dibangkitkan oleh ahli-ahli politik demi kepentingan politik sempit. Perpaduan kaum diperjudikan untuk mendapatkan kembali sokongan politik yang semakin pudar.

Golongan belia perlu lebih matang dalam menilai sesuatu isu yang diketengahkan oleh pihak-pihak yang sentiasa ingin mengambil kesempatan terhadap mereka. Yang pasti, semua pihak sedang ternanti-nanti gelombang kuasa belia sama ada mereka akan mencorakkan landskap politik untuk manfaat masyarakat terbanyak atau hanyut dalam janji-janji manis politik pada PRU 13 kelak.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Putra Malaysia kerana membiayai kajian ini selama dua tahun melalui Geran Universiti Penyelidikan (RUGS) (2010-2012).

RUJUKAN

Amer Saifude Ghazali, Mohammad Redzuan Othman, Zulkanain Abdul Rahman & Rosmadi Fauzi. 2011. Pilihan Raya Umum Malaysia ke 13:

Kecemerlangan Kerajaan atau Pembangkang? Prosiding *Conference on Elections and Democracy in Malaysia*, 110-119.

- Asnarulkhadi Abu Samah. 2011. Permasalahan Belia: Pendekatan bagi Mendepani Cabaran. Siri Pembangunan Belia. Belia Pewaris 1Malaysia. Suntingan Haslinda Andullah, Sarjit S. Gill, Ismi Arif Ismail, Turiman Suandi, Nobaya Ahmad & Dzulhilmi Dahlan. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Dasar Pembangunan Belia Negara. 1997. Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Ding Choo Ming. 2008. Pantun Peranakan Baba: Mutiara Gemilang Negeri-Negeri Selat. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Geraldo Affonso Muzzi. 2002. The Portuguese in Malay Land. Malaysia: Printmate Sdn. Bhd.
- Gerard Fernandis. 2003. The Portuguese Community At The Periphery: A Minority Report On The Portuguese Quest For Bumiputera Status. *Kajian Malaysia*, Vol XXI, Nos. 1 & 2, 2003.
- HanapiDollah.1985.PolitikdanBudayaIndiaMuslimdiPulauPinang:SatuPersoalan Teoris Ethnisiti. Dalam *Jurnal Malaysia Masa Kini*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ishak Saat. 2010. Caturan Politik Pelbagai Kaum Di Tanah Melayu 1946-1957. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 37: 68 – 85.
- James, S. 2007. Rebooting Democracy: Youth Participation in Politics in the UK. *Parliamentary Affairs*, 60(4): 548–567.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. 2010. Analisis Trend Pengundian Berdasarkan Kaum Di Kawasan Bukit Gantang, Perak. *Journal of Social Science and Humanities*, 5(1): 26- 37.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. 2011. Keperluan Pembangunan Sosioekonomi Dan Pendapat Belia Terhadap Isu Semasa di Kawasan Parlimen Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Prosiding Seminar Ilmu Kemanusiaan Antarabangsa 2011, 1-24.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain. 2012. Kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Galas, Kelantan: Analisis Geografi Pilihan Raya. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1): 64-74.

- Lee Su Kim. 2008. The Peranakan Baba Nyonya Culture: Resurgence or Disappearance? *Jurnal Sari* 26. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahadee, M.I. 2008. Adaptasi Sosial Masyarakat Thai Buddha di Tanah Merah, Kelantan. Dalam *Masyarakat dan Kepelbagaian Sosial di Malaysia*. Suntingan Sarjit S. Gill & Lee Yok Fee. Serdang: Penerbit Universiti Malaysia.
- Malaysia. 2010. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK 10). Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Mohamed Yusoff Ismail. 1980. The Siamese of Aril: A Study of An Ethnic Minority Village. Monograf 3. Bangi: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Yusoff Ismail. 2002. Pengekalan Identiti Masyarakat Minoriti Thai di Kelantan. Dalam *Masyarakat, Budaya dan Perubahan*. Editor Rahimah Abd. Aziz & Mohamed Yusoff Ismail. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Yusoff Ismail. 2006. Buddhism in A Muslim State: Theravada Practices and Religious Life in Kelantan. *Jurnal e-Bangi*, 1(1): 1-20.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2012. Pendapat dan Keperluan Generasi Muda di Kawasan Parlimen Muar, Johor. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1): 50-63.
- Mohd Majid Konting. 1990. Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maruwiah Ahmat. 2006. Penjajahan Portugis dan Sepanyol Ke Atas Asia Tenggara: Satu Pengamatan Semula. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Ravichandran Moorthy. 2009. The Evolution Of The Chitty Community Of Melaka. *JEBAT* 36, 1-15.
- Samuel S. Dhoraisingam. 2006. Peranakan India of Singapore and Melaka: Indian Babas and Nyonyas-Chitty Melaka. Singapore: ISEAS Publications.
- Sarjit S. Gill, Jayum A. Jawan, Nobaya Ahmad, Ahmad Tarmizi Talib, Ma'rof Redzuan, Haslinda Abdullah, Lee Yok Fee, Charanjit Kaur, Mohd Roslan Rosnon & Mohd Razali Harun. 2011. *Persepsi dan Penerimaan Belia*

- Minoriti terhadap Parti Pemerintah. Prosiding Conference on Elections & Democracy in Malaysia 2011, 120-130. Universiti Malaysia Sarawak.
- Silberg, David M. 2001. *Doing Dissertations in Politics A Student Guide*. London: Routledge.
- Syarifah Nor Aishah Syed Mahadzar & Amer Saifude Ghazali. 2011. *Kelompok Muda Dalam Ruang Politik Negara: Satu Kajian Awal Di Terengganu*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar (MATRA 2011), (Tema D) 280-295.
- Syed Arabi Idid. 2002. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Ezhar Tamam & Azimi Hamzah. 2008. *Pembangunan Belia ke Arah 2057: Isu dan Cabaran*. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*, 1(Disember): 1-13.
- Wan Ahmad Wan Omar. 2010. 4.3 Juta Rakyat 21 Tahun dan ke Atas Masih Belum Mendaftar. Diakses pada 8 Oktober 2011. <http://www.spr.gov.my/index files /artikelweb/artikelBELUMDAFTAR.pdf>
- Yap Eng Moi. 1989. *Komuniti Cetti Melaka: Satu Pengenalan*. *Jurnal Antropologi dan Sosiologi*. Jilid 17. 1989. Bangi: Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zalizan Mohd Jelas, Abdul Razaq Ahmad & Ahmad Rafaai Ayudin. 2009. *Perspektif Historiografi Masyarakat Orang Asli Di Semenanjung Malaysia*. Dalam *Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya*. Suntingan Abdul Razaq Ahmad dan Zalizan Mohd Jelas. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zawawi Ibrahim. 1996. *Menungkap Orang Asli Sebagai Subjek Dalam Wacana Pembangunan*. Dalam *Kami Bukan Anti-Pembangunan (Bicara Orang Asli Menuju Wawasan 2020)*. Penyusun & Editor Zawawi Ibrahim. Bangi: Persatuan Sains Sosial Malaysia.

Profil Penulis

Sarjit S. Gill, PhD

*Ketua Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)
Merangkap*

Karyawan Tamu Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Ahli Institut Integriti Malaysia (IIM)

sarjit@putra.upm.edu.my

Ahmad Tarmizi Talib, PhD

*Ketua Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)
tarmizi@putra.upm.edu.my*

Mohd Razali Harun, MSc

Calon PhD

*Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)
ilazar83@yahoo.com*

Mohd Roslan Rosnon, MSc

*Tutor Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)
roslan_rosnon@putra.upm.edu.my*